



**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

**(KELANTAN)**

TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA  
PUAN WAN SAPIAH WAN YUSOFF  
USAHAWAN BUDU TEMPAYAN

OLEH:

NORSYANIZA ANIRA BINTI ZAIDI      2022899418

NURUL ASHMA BINTI MOHD NAFI      2022621954

PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA  
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN  
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS  
IMR604- PENDOKUMUNTASIAN SEJARAH LISAN  
SEMESTER 05 (SEPTEMBER 2024- JANUARI 2025)

TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA  
PUAN WAN SAPIAH WAN YUSOFF  
USAHAWAN BUDU TEMPAYAN

OLEH:

NORSYANIZA ANIRA BINTI ZAIDI 2022899418

NURUL ASHMA BINTI MOHD NAFI 2022621954

PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA  
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN  
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS  
IMR604- PENDOKUMUNTASIAN SEJARAH LISAN  
SEMESTER 05 (SEPTEMBER 2024- JANUARI 2025)

# **PENGHARGAAN**

## **PENGHARGAAN**

Pertama sekali, syukur ke hadrat Ilahi kerana telah memberikan kesihatan yang baik kepada kami dengan membantu kami melaksanakan tugas ini. Berkat-Nya memudahkan penyelidikan dan perjalanan kami semasa kami mengerjakan tugas ini. Terima kasih yang tidak terhingga diucapkan kepada Ts Nurulannisa Abdullah, pensyarah kursus Pendokumentasian Lisan (IMR604), kerana berkongsi dan mendedahkan kami kepada projek ini dan tidak putus-putus membantu kami dalam menyiapkan tugas ini. .

Seterusnya, ucapan terima kasih kepada ahli kumpulan atas komitmen dan kerjasama yang tidak berbelah bahagi dalam menyiapkan tugas dengan jayanya, terutamanya dalam mengingatkan untuk saling mengingatkan peringatan tarikh akhir dan bertukar-tukar butiran tugas untuk memupuk persefahaman yang lebih baik supaya tidak ada yang ketinggalan.

Kami juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang secara langsung atau tidak langsung membimbing kami dalam menyiapkan tugas ini. Terima kasih atas sokongan, berkongsi maklumat dan sekali-sekala mencari strategi sehingga tugas selesai.

# **ABSTRAK**

## ABSTRAK

**Abstrak:** *Temu bual ini melibatkan dua pelajar, Norsyaniza Anira Binti Zaidi dan Nurul Ashma Binti Mohd Nafi, bersama tokoh usahawan budu tempayan, Puan Wan Sapiah Wan Yusoff. Temu bual ini diadakan di kedai beliau yang terletak di Kampung Genting, Tumpat, pada 12 Disember 2024. Perbincangan tersebut memfokuskan kepada kisah hidup Puan Wan Sapiah, merangkumi pengalaman sebelum dan selepas beliau menceburi bidang perniagaan budu. Antara topik yang dibincangkan termasuk latar belakang beliau, produk budu yang dihasilkan, perjalanan dan cabaran dalam dunia perniagaan, aspek kehidupan peribadi, kejayaan serta pengiktirafan yang diraih, selain harapan dan rancangan masa depan beliau dalam industri budu.*

**Kata Kunci:** *budu tempayan, perniagaan, latar belakang, produk budu, cabaran, kehidupan peribadi, kejayaan, harapan, masa depan.*

## ABSTRACT

**Abstract:** *This interview involved two students, Norsyaniza Anira Binti Zaidi and Nurul Ashma Binti Mohd Nafi, together with the budu entrepreneur Puan Wan Sapiah Wan Yusoff. This interview was held at her shop in Kampung Genting, Tumpat, on 12 December 2024. The discussion focused on Puan Wan Sapiah's life story, including her experiences before and after she ventured into the budu business. Topics discussed include her background, budu products produced, journeys and challenges in the business world, aspects of her personal life, success and recognition achieved, and her future hopes and plans in the budu industry.*

**Keywords:** *budu pot, business, background, budu products, challenges, personal life, success, hope, future.*

# **ISI KANDUNGAN**



## ISI KANDUNGAN

TAJUK	MUKA SURAT
Penghargaan.....	i
Abstrak.....	iii
Isi Kandungan.....	vi
Biodata Tokoh.....	viii
Pengenalan.....	xvii
Transkrip	
Bahagian 1: Latar Belakang Tokoh.....	2
Bahagian 2: Produk Budu.....	9
Bahagian 3: Perniagaan.....	17
Bahagian 4: Kehidupan Peribadi.....	24
Bahagian 5: Kejayaan Dan Pengiktirafan.....	29
Bahagian 6: Harapan Dan Perancangan Masa Depan .....	33
Rujukan.....	37
Lampiran	
Log Wawancara.....	40
Diari Kajian.....	44
Soalan Tokoh.....	46
Surat Perjanjian Lisan.....	52
Gambar.....	54
Indeks.....	55

# **BIODATA**

## BIODATA TOKOH



**Nama:** Wan Sapiah Binti Wan Yusoff

**Nama Samaran:** Kak Yah

**Tarikh Lahir:**

**Tempat Lahir:** Thailand

**Alamat:** Tumpat, Kelantan

**No. Telefon:**

**Profesion:** Pengusaha Budu Tempayan

**Bidang:** Perniagaan

# PENGENALAN

## PENGENALAN

Pendokumentasian Sejarah Lisan merupakan salah satu subjek bagi kod kursus IMR 604, di mana pelajar dikehendaki menjalankan temubual bersama seorang tokoh pilihan sebagai memenuhi keperluan kursus. Setiap kumpulan, terdiri daripada dua orang pelajar, perlu merakam sesi temubual tersebut menggunakan kaset atau mana-mana alat rakaman digital dengan tempoh tidak kurang daripada satu jam. Pelajar juga akan diajar kaedah mengenalpasti tokoh yang sesuai, menetapkan temujanji, menggunakan bahasa dan etika yang betul semasa sesi temubual, menyediakan transkrip menggunakan tanda bacaan yang tepat, serta menghasilkan buku log.

Subjek ini bertujuan untuk membantu pelajar memahami dan mempraktikkan kaedah sebenar dalam menghasilkan dokumentasi sejarah lisan yang tepat. Pendokumentasian Sejarah Lisan bukan sahaja menjadi medium untuk menyampaikan sejarah, kesusasteraan, atau undang-undang daripada satu generasi ke generasi yang lain tanpa melibatkan sistem penulisan, malah turut memainkan peranan penting dalam memelihara memori sebagai bukti sejarah yang tidak direkod atau kurang dikenali.

Melalui subjek ini, pelajar berpeluang mengisi jurang sumber sejarah abad ke-20 yang tidak diiktiraf atau tiada sumber pertama yang wujud. Ia juga membantu mengumpul sumber sejarah daripada golongan biasa yang sering terlepas pandang. Pendokumentasian ini memberikan sumbangan penting kepada pengajaran dan pembelajaran serta melahirkan individu berkualiti yang mampu menyumbang kepada negara pada masa hadapan.

Sebagai sebahagian daripada tugas ini, kami telah menjalankan temubual bersama seorang tokoh usahawan budu tempayan yang dikenali sebagai Puan Wan Sapiah Wan Yusoff. Rakaman temubual tersebut telah ditranskripsikan semula mengikut penggunaan tanda bacaan yang tepat seperti yang diajar dalam kursus ini. Diharapkan perkongsian sejarah kejayaan beliau dapat memberi inspirasi kepada golongan muda dan dijadikan bahan rujukan berharga pada masa akan datang.

# TRANSKRIP

## TRANSKRIP

Bismillahirrahmanirrahim Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera. Berikut adalah merupakan temubual sejarah lisan mengenai latar belakang dan pengalaman hidup seorang tokoh dalam bidang perniagaan. Bersama kami ialah Puan Wan Sapiah Wan Yusoff yang merupakan seorang Usahawan Budu Tempayan di Tumpat, Kelantan. Rakaman ini dijalankan pada tarikh 12 Disember 2024 bersamaan dengan hari Khamis pada pukul 3 petang bertempat di Pantai Genting. Temubual ini dikendalikan oleh Norsyaniza Anira Binti Zaidi dan Nurul Ashma Mohd Nafi. Dengan segala hormatnya temubual ini dimulakan.

Petunjuk:

WSY: Wan Sapiah Binti Wan Yusoff

NSA: Norsyaniza Anira Binti Zaidi

ASH: Nurul Ashma Binti Mohd Nafi

### BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG TOKOH

**NSA : Boleh Kak Yah ceritakan sedikit tentang diri Kak Yah?**

WSY : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatu, nama Kak Yah Wan Sapiah Wan Yusoff.  
Umur Kak Yah

**NSA : Di manakah tempat asal Kak Yah dilahirkan dan dibesarkan?**

WSY : Kak Yah dilahirkan di Thailand *bená* [sebenarnya], Kak Yah dibesarkan di Pantai Genting sini dibesarkan disini. *Ayoh* [Ayah] pun asal *ore* [orang] sini. *Mok* [Mak] la asal *ore* [orang] Thailand. Kak Yah *ni* [ini] *dulu* [dahulu] menetap di Pengkalan Kubor. *Lepas* [Selepas] Kak Yah kahwin *gapo* [apa] Kak Yah *mari* [datang] menetap di Pantai Genting sebab *abe* [suami] Kak Yah *ni* [ini] *seore* [seorang] *nelaye* [nelayan]. *Dulu* [Dahulu] Kak Yah *mari* [datang] duduk sini ini Kak Yah *sewo* [sewa] rumah *dulu* [dahulu]. *Dulu* [Dahulu] Kak Yah *sewo* [sewa] rumah *tu* [itu] pahtu [selepas itu] Kak Yah buat *kijo* [kerja] *tu* [itu] Kak Yah *kijo* [kerja] *nga* [dengan] *ore* [orang] *dulu* [dahulu]. Kak Yah

*kijo* [kerja] *nga* [dengan] *ore* [orang] ambil pengalaman lah *kijo* [kerja] *nga* [dengan] *ore* [orang] *dulu* [dahulu]. *Lepas* [selepas] Kak Yah *kijo* [kerja] *nga* [dengan] *ore* [orang], Kak Yah *ata* [hantar] *kue* [kuih], *ike* [ikan] *gapo* [apa] Kak Yah *sie* [cuci] *ike* [ikan] *gapo* [apa]. Kak Yah *siye* [cuci] *ike* [ikan] *pahtu* [selepas itu] belajar buat budu.

**NSA : Siapa yang memberi inspirasi kepada Kak Yah dalam kehidupan?**

WSY : Kak Yah dari pengalaman Kak Yah *kijo* [kerja]. *Dulu* [dahulu] Kak Yah *kijo* [kerja] *nga* [dengan] *ore* [orang]. Belajarlah *dulu* [dahulu] Kak Yah *tok* [tidak] pandai *gapo* [apa] *sie* [cuci] *ike* [ikan] *ko* [ke]. Kak Yah *tok* [tidak] pernah *kijo* [kerja] lah *bendo* [benda] *gitu* [macam itu]. *Anok* [anak] Kak Yah *kecik* [kecil] *dulu* [dahulu] *kalu* [kalau] *20* [dua puluh] tahun lepas Kak Yah *kijo* [kerja] *nga* [dengan] *ore* [orang] Kak Yah jadi kuli *ore* [orang] lah *sie* [cuci] *ike* [ikan] *gapo* [apa] jadi kuli *ore* [orang] lah *pahtu* [selepas itu] Kak Yah pun *abe* [suami] Kak Yah *ni* [ini] kelaut *pahtu* [selepas itu] *abe* [suami] Kak Yah *ni* [ini] buat *kelik* [balik] *ike* [ikan] *sikit* [sedikit] *ni* [ini] *pahtu* [selepas itu] Kak Yah pun belajar buat *ike* [ikan] *sdiri* [sendiri] buat *ike* [ikan] kering *sdiri* [sendiri] *pah* [dan] *dulu* [dahulu] *ado* [ada] *tauke* Kak Yah *tu* [itu] tolong jual lah *ike* [ikan] Kak Yah *tu* [itu] *dio* [dia] tolong Kak Yah buat *ike* [ikan] kering *pahtu dio* [selepas itu dia] tolong jual Kak Yah. Kak Yah buat *sikit* [sedikit] lah *dulu ike* [dahulu ikan] kering Kak Yah *nok nego* [nak berniaga] *ni* [ini]. Kak Yah buat *sikit-sikit* [sedikit-sedikit] lama-lama Kak Yah beli. *Dulu* Kak Yah *sie* [dahulu cuci] *sdiri lamo tu* [sendiri lama - lama itu] Kak Yah upah *ore* [orang] lah *ado* [ada] pekerja lah *kiro* [kira]. *Amik* [ambil] *sore* [sorang] pekerja *pah* [selepas itu] Kak Yah tolong *gapo* [apa-apa]. Kak Yah buat *sdiri blako lah dulu* [sendiri apa semua dahulu]. *Meme sdiri* [memang sendiri] lah kecil-kecilan lah *tu* [itu] pun *depe* [depan] *rumoh jah* [rumah sahaja] Kak Yah jual. *Lepas* [selepas itu] *tu* jadi *lamo* [lama - lama] *tu* [itu] Kak Yah beli *koho* [semakin] *banyok* [banyak] *ike* [ikan] *koho* [semakin] bertambah lah. Kak Yah beli peti lah bertambah *nga* [dengan] *sikit-sikit* [sedikit-sedikit] la *pah* [dan] pekerja pun bertambah, *ike* [ikan] pun *koho* [semakin] beli *ike* [ikan] *banyok* [banyak] *gitu* [macam itu] lah beli tong *koho* [semakin] besar *gini* [macam ini] lah. Kak Yah *nego* [berniaga] kecil-kecilan *dale* [dalam] tiga puluh tahun lepas lah *kiro* [kira]. Pengalaman Kak Yah *kijo* [kerja] *nga* [dengan] *ore* [orang] lah. Kak Yah *ni takdop* [ini tiada] generasi lah *supo* [macam] *nga* [dengan] *ado* [ada] *toke* [tauke] *ike* [ikan] *ni* [ini] *dio* [dia] generasi *ni* [ini] Kak Yah *dop* [tiada]. Kak Yah *ni* [ini] generasi pertama lah Kak Yah lah. *Nok* [nak] *ko* [kepada] boleh jadi *mari* [datang] *supo* [macam] *ni* [ini] *Ioni* [sekarang] *ni* [ini] berkat *nga* [dengan] usaha Kak Yah *sdiri* [sendiri] lah.



**NSA : Bagaimana zaman kanak-kanak Kak Yah mempengaruhi perjalanan hidup Kak Yah?**

WSY : Dulu *meme* [memang] Kak Yah *ni* [ini] orang *susoh* [susah] lah dulu arwah *mek* [mak] arwah ayah tu *kais* [pagi] *make* [makan] pagi lah dulu. *Kito* [kita] *kea* [kan] *ore* [orang] *susoh* [susah] *kea* [kan] *supo* [macam] dulu lah *mulo-mulo* [awal-awal] Kak Yah kahwin *meme* [memang] *kais* [pagi] *make* [makan] pagi lah pengalaman *kito* [kita] *gitu* [macam tu] *pahtu* [selepas itu] *kito* [kita] *nok* [nak] *bui* [buat] jadi *dah* [sudah] *anok* [anak] ramai *nok* [nak] *bui* [bagi] *mewoh* [mewah] Kak Yah pun *kandok* [bersungguh] *sikit* [ke] *kijo* [kerja]. *Supo* [macam] *kito* [kita] jual lah *mulo-mulo* [awal-awal] *kito* [kita] jual tu *kito* [kita] *tok* [tidak] *napok* [nampak] duit *takpo* [tidak mengapa] *kalu* [kalau] *kito* [kita] *napok* [nampak] duit tu jadi *supo* [macam] *kito* [kita] letih pun *takpo* [tidak mengapa] *ho* [ya] lah jadi *napok* [nampak] hasil. Dulu *meme* [memang] Kak Yah duduk [menetap] di rumah sewa dulu, *meme* [memang] sewa rumah lah *takdop* [tiada] *gapo* [apa] *skaro* [langsung] lah dulu. Berkat dengan Kak Yah *kijo* [kerja] usaha Kak Yah, *abe* [suami] Kak Yah nelayan buat [bawa] balik *ike* [ikan], Kak Yah buat *ike* [ikan] boleh beli tanah beli rumah *gitu* [macam tu] lah. Alhamdulillah berkat *nga* [dengan] usaha Kak Yah.

**NSA : Apakah latar belakang pendidikan yang Kak Yah peroleh dari peringkat awal hingga peringkat tertinggi?**

WSY : Kak Yah sekolah *sapa* [sehingga] tingkatan lima *SPM* [Sijil Pelajaran Malaysia] lah. Dulu *mek* [mak] Kak Yah tu jenis *ore* [orang] *nego* [berniaga]. Dio [Mak Kak Yah] *nego* [berniaga] pun jual mi celup gitu [macam tu] lah *kito* [kita] asal *ore* [orang] *nego* [berniaga]. Arrwah *mek* [mak] *ni* [ini] jual mi celup gitu [macam] lah *ado* [ada] kedai *make* [makan] gitu [macam tu]. Jadi *pitih* [duit] *ore* [orang] *nego* [berniaga] lah *kito* [kita] *holah* [yalah] *mok* [mak] *nego* [berniaga] *anok* [anak] pun *nok* [nak] *nego* [berniaga] lah. Jadi dia lain *kijo* [kerja] lah kira tapi *nego* [berniaga] *jugak* [juga] lah kira. Tapi dulu *holah* [yela] *ore* [orang] *susoh* [susah] dia [mak] jual *pero* [jaga] anak ramai gitu [macam tu] lah. *Kito* [kita] rajin *kijo* [kerja] boleh beli *nga* [dengan] *mewoh* [mewah] jugok [juga] la bila *kito* [kita] rajin *kijo* [kerja] cari *pitih* [duit] lah *anok-anok* [anak-anak] pun *sene* [senang].

**NSA : Sejak bila Kak Yah berminat dalam perniagaan?**

WSY : Sejak kecil lagi *lah* [dulu] *mek* [mak] Kak Yah *nego* [berniaga] *kea* [kan], Kak Yah pun tolong *mek* [mak] jual *gapo* [apa semua] *kea* [kan] *dah* [sudah] jual dulu *laku* [laris] letih pun *tkpo* [tidak mengapa] ada hasil.

**NSA : Siapa individu paling mempengaruhi gaya hidup Kak Yah?**

WSY : Abe (*Suami*) Kak Yah lah. Abe (*Suami*) Kak Yah *ni* [ini] seorang nelayan *kalu* [kalau] dia *gi* [pergi] ke laut *gapo* [apa] *so* [satu] *ike* [ikan] *kalu* [kalau] *bui* [bagi] *toke* [tauke], tauke beli murah *ike* [ikan] *misale* [contoh] *buleh* [boleh] *samah siya* [sikit – sikit duit], *kalu* [kalau] bawa balik Kak Yah, Kak Yah boleh jual buat ikan kering pun boleh jual mahal lagi. *Dio* [suami] Kak Yah tolong Kak Yah *sie* [cuci] ikan.

**NSA : Apakah cabaran terbesar Kak Yah ketika permulaan menjalani kehidupan dewasa?**

WSY : Cabaran modal lah. Ada kita buat ikan kering ada musim rugi sebab hujan. *Supo* [Macam] dua tiga hari lepas hujan, Kak Yah pun *try* [cuba] jemur ikan dalam *UMK* [Universiti Malaysia Kelantan] buat tempat jemur *ike* [ikan] bekok hari tu Kak Yah jemur dua tiga hari lepas. *Mula-mula* [Awal-awal] jemur tu panas *pahtu* [selepas itu] hari yang kedua tu hujan, Kak Yah *try* [cuba] jemur di tempat teduh *UMK* [Universiti Malaysia Kelantan] buat tu *tok* [tidak] sesuai *nga* [dengan] ikan bekok jadi Kak Yah pun ambil basuh balik jadi kerugian lah ikan tu cabaran musim tengkujuh *gini* [macam ini] lah.

**NSA : Apakah motivasi utama hidup Kak Yah untuk berjaya?**

WSY : Arwah *mek* [mak] Kak Yah lah. Dia *bui* [bagi] semangat Kak Yah untuk *kijo* [kerja], kita rajin *kijo* [kerja] boleh duit lebih *sene* [senang] lah boleh beli kereta.

**NSA : Apakah pekerjaan ibu bapa Kak Yah, dan adakah mereka pernah berniaga?**

WSY : *Mek* [mak] Kak Yah *ni* [ini] *nego* [berniaga] buka kedai *make* [makan] lah dulu. *Pitih* [Duit] *ore* [orang] *nego* [berniaga] lah dulu. Arwah *ayoh* [ayah] pun *dio* [dia] tolong *mek* [mak] *nego* [berniaga].

**NSA : Adakah Kak Yah mempunyai adik-beradik yang turut terlibat dalam perniagaan ini?**

WSY : Ya, *loni* [sekarang] *ni* [ini] *adik* Kak Yah kakak Kak Yah nombor satu *tu* [itu] dia jadi pekerja Kak Yah lah. Adik beradik *ni* [ini] *sene* [senang] *nak* [mahu] suruh *kijo* [kerja] *kea* [kan] *tak supo* [tidak macam] *ore* [orang] luar *dio* [dia] *mari* [datang] *meta* [sekejap] *gini jah* [macam ini sahaja] *kalu* [kalau] *ore* [orang] luar *dih* [kan]. Kalau adik beradik *kito* [kita] *ni* [ini] kita boleh tolong *gapo* [apa] lah *hola* [yalah] boleh *ngatur* [suruh] lah sikit *dio* [dia]. Adik beradik Kak Yah lah tolong.

**NSA : Apakah nama suami Kak Yah? Berapa bilangan anak yang diperolehi?**

WSY : *Abe* [Suami] Kak Yah nama Mr Amranmina. Dia warga Thailand tapi dia *duduk* [tinggal] menetap *sini* [Tumpat, Kelantan] lama *dah* [sudah]. Kak Yah mohon *IC* [Kad Pengenalan] *dio* [dia] lah buat visa *gapo* [apa]. *Anok* [anak] Kak Yah *ado* [ada] 6 [enam] *ore* [orang] 2 [dua] lelaki 4 [empat] perempuan. *Hok* [yang] sulung umur *anok* [anak] Kak Yah *tu* [itu] 23 [dua puluh tiga] tahun. *Dio* [dia] *loni* [sekarang] ini *kijo* [kerja] *dah* [sudah] lelaki jadi askar *dah* [sudah] *loni* [sekarang] 5 [lima] tahun *dah* [sudah] masuk askar. Habis *SPM* [Sijil Pelajaran Malaysia] *tu* [itu] dia mohon askar *selalu* [terus]. Anak Kak Yah kedua *tu* [itu] umur dia 21 [dua puluh satu] lelaki. Lelaki *ni* [ini] dia pelajar *UPM* Serdang [Universiti Putra Malaysia] *dio* [dia] ijazah *dah* [sudah] *loni* [sekarang]. Dulu diploma dia *UPM* [Universiti Putra Malaysia] Bintulu. *Lepas* [selepas] covid hari itu dia masuk Bintulu, ini dia masuk ijazah di Serdang tahun kedua *dah* [sudah] *ni* [ini]. Bongsu umur 5 [lima] tahun. Yang ketiga *tu* [itu] tingkatan 5 [lima], yang keempat *tu* [itu] tingkatan 1 [satu] *pahtu* [selepas itu] darjah 2 [dua] *nga* [dan] 5 [lima] tahun.

**NSA : Bagaimana keluarga Kak Yah menyokong perjalanan kerjaya Kak Yah?**

WSY : Sokong *tu supo* [macam] dengan *abe* [suami] Kak Yah lah dia tolong Kak Yah *kijo* [kerja] lah *supo* [macam] dia *tak* [tidak] *gi* [pergi] laut, dia akan tolong Kak Yah kedai *ginilah* [macam ni] lah tolong jual. *supo* [macam] kedai Kak Yah *gini* [macam ni] *dio* [kedai] bermusim *jugak* [juga] kedai *ini* [ini]. *Kalu* [kalau] musim hujan *gini* [macam ni] *tak ada* [tiada] *ore* [orang] sikit. *Kalu* [kalau] musim cuti sekolah *ore* [orang] luar *meme* [memang] ramai lah kedai Kak Yah *ni* [ini] *meme* [memang] *tak* [tidak] *mene* [menang] tangan lah *kalu* [kalau] *melaye* [melayan] *ore* [orang] luar *mari* [datang] *ni*

[ini] *meme* [memang] ore [orang] luar kenal lah kedai Kak Yah *ni* [ini] walaupun Kak Yah *duduk* [tinggal] tersorok sini jauh *pado* [daripada] ore [orang] tapi ore [orang] tahu kedai Kak Yah sini *loni* [sekarang] ini mudah *dale* [dalam] telefon *gapo* [apa].

**NSA : Apakah nilai hidup utama yang Kak Yah pegang?**

WSY : Usaha lah usaha tangga kejayaan *gitulah* [macam itu lah] prinsip Kak Yah kalau malas *gitu* [macam itu] *meme* [memang] *tak* [tidak] berjaya lah. Pagi-pagi kita selalu *semaye* [solat] dhuha bagi mudah rezeki kalau *jago* [berjaga] malam kita *semaye* [solat] tahajud *gitu* [macam itu] lah. *So* [satu] hari tu Kak Yah ada ambil pinjaman bank islam. Syarat dia sedekah, *semaye* [solat] dhuha *gitu* [macam itu] *je* [sahaja] syarat dia kalau kita buat pinjaman bank islam. *Dia* [bank islam] *tak* [tidak] *bui* [bagi] syarat pelik. Syarat *dia* [bank islam] rajin *semaye* [solat] dhuha, sedekah *gitu* [macam tu] *je* [sahaja] syarat *dia* [bank islam] mudah *jah* [sahaja].

**NSA : Siapa yang pertama kali mencadangkan Kak Yah untuk membuat budu?**

WSY : *Abe* [suami] Kak Yah lah dulu. Dulu *abe* [suami] Kak Yah pergi ke laut, *pahtu* [selepas itu] ada bilis *ni* [ini] *banyok* [banyak]. *Toke* [tauke] *tokse* [taknak], *pahtu* [selepas itu] *dio* [dia] suruh Kak Yah ambil *tu* [itu] suruh buat budu sebab bilis *ni* [ini] *tok* [tidak] laku [laris] *toke* [tauke] *tokse* [taknak] sebab bilis *ni* [ini] banyak sangat *pahtu* [selepas itu] *abe* [suami] Kak Yah *kato* [kata] kita buat sendiri lah budu boleh jual. Pahtu Kak Yah pun *try* [cuba] *pere* [perap], boleh lah jual budu *ni* [ini] sebab budu *paye* [tempayan] *loni* [sekarang ini] *jare* [jarang] buat budu *original* [asli] *hok* [yang] *tok* [tidak] proses lagi. *Takdop* [tiada] *meme* [memang] *payoh* [susah] nak *jupo* [jumpa] lah budu *gini* [macam ini]. *Pahtu* [selepas itu] ore [orang] *tuo* [tua] *loni* [sekarang] nak rasa budu *original* [asli] *gini* [macam ini]. *Supo* [macam] kedai *make* [makan]. *Dio* [orang-orang tua] nak beli budu *gini* [macam ini] nak masak *dio* [orang-orang] tua balik masak sendiri dia proses sendiri lah *kiro* [kira]. *Meme* [memang] budu Kak Yah buat ini pun *muroh* [murah] lah dengan harga *loni* [sekarang ini]. *Supo* [macam] kedai *make* [makan] ambil budu Kak Yah ini jadi untung lah sikit beli kedai *hok* [yang] proses *dah* [sudah].

**NSA : Budu kegemaran Kak Yah dimakan bersama apa?**

WSY : Budu cicah *ule* [ulam] budu, *ike* [ikan] rebus. *Supo* [macam] kedai Kak Yah ada menu *ore-ore* [orang-orang] *mari* [dating] *make* [makan] *ule* [ulam] budu *gitu* [macam itu].

Ada *jugak* [juga] *ore* [orang] *mitok* [mahu] budu goreng *ike* [ikan] bekok. *Ore* [orang] luar *nok* [mahu] *make* [makan] biasa *simple* [biasa] *gitu* [macam itu] *jah* [sahaja] *loni* [sekarang ini].

**NSA : Apa yang membuatkan Kak Yah memilih untuk kekal di pantai?**

WSY : *Sini* [Pantai] jauh dengan orang *pahtu* [selepas itu] budu ini *kalu* [kalau] kita duduk dekat dengan *ore* [orang], *ore* [orang] *complain* [mengadu] sebab budu ini berbau lah *sikit* [sedikit], *kalu* [kalau] kita *nok* [hendak] *ngisi* [mengisi] budu ini ia berbau *sikit* [sedikit], *ni* [ini] kita duduk [tinggal] jauh dengan *ore* [orang] ini *meme* [memang] selamat dari jiran-jiran *meme* [memang] *tak* [tidak] kena *sokmo* [selalu] lah *kalu* [kalau] dekat dengan jiran-jiran sebab kita *duduk* [tinggal] jauh dengan *ore* [orang].

**NSA : Adakah komuniti setempat menyokong usaha perniagaan Kak Yah dari awal?**

WSY : Jiran-jiran *meme* [memang] ada sokong lah *mari* [datang] beli-beli *ike* [ikan] *hola* [yalah] *kalu* [kalau] Kak Yah *ado* [ada] bilis *banyak* [banyak] Kak Yah suruh *dio* [jiran-jiran] *beloh* [belah] *ike* [ikan] *dio* [jiran-jiran] ambil *upoh* [upah] Kak Yah *upoh* [upah] jiran-jiran *gitulah* [macam itu lah]. *Meme* [memang] ada sokongan dari jiran-jiran *tu* [itu].

**NSA : Adakah Kak Yah mempunyai hobi selain berniaga budu?**

WSY : Hobi Kak Yah *masok* [masak]. *Mek* [mak] Kak Yah *dulu* [dahulu] *kea* [kan] ada kedai *make* [makan], Kak Yah boleh *masok* [masak] lah *sikit-sikit* [sedikit-sedikit] *tu* [itu]. Kak Yah minat *jugok* [juga] kedai *make* [makan] *ni* [ini]. Budu *ni* [ini] perniagaan pertama Kak Yah. Yang kedua kedai *make* [makan] lah. *Ni* [ini] pun Kak Yah bercadang buka kedai *make* [makan] lah sebabnya kalau ada *event* [majlis] Kak Yah akan *sewo* [sewa] tapak *tu* [itu] jual makanan lah *buko* [buka] kedai *make* [makan]. Kak Yah *meme* [memang] minat *nego* [berniaga] lah *buko* [buka] kedai *make* [makan]. Kedai budu lah *hok* [yang] utama budu, *ike* [ikan] kering *hok* [yang] wajib *dah* [sudah]. *Kalu* [kalau] *hok* [yang] *tu* [itu] sampingan lah buka kedai *make* [makan].

**TAMAT BAHAGIAN 1**

## BAHAGIAN 2: PRODUK BUDU

**NSA : Apakah keunikan budu yang Kak Yah hasilkan?**

**WSY :** Budu Kak Yah *ni* [ini] *original* [asli] *ike* [ikan] bilis. Buat dengan *ike* [ikan] bilis *hok* [yang] asli lah *hok* [yang] *tak* [tidak] proses *gapo* [apa] lagi budu Kak Yah *ni* [ini]. Ado [ada] *ore* [orang] luar kea [kan] *dio* [dia] tak [tidak] biasa lagi tengok cara buat budu *pahtu* [selepas itu] dia pun *mari* [datang] tanya Kak Yah budu *ni* [ini] buat dengan *gapo* [apa]. Kak Yah *oyak* [bagitahu] ada sampel Kak Yah buat dengan bilis dan *gare* [garam]. Ado [ada] *ore* [orang] luar *hok* [yang] jenis *tak* [tidak] *make* [makan] budu pun *nak* [hendak] tahu cara kita buat dengan *gapo* [apa]. Ado [ada] *jugak* [juga] *ore* [orang] lain buat dengan *ike* [ikan]. Budu Kak Yah *ni* [ini] istimewa *ike* [ikan] bilis segar. *Abe* [suami] Kak Yah ke laut *tu* [itu] buat balik kita buat *selalu* [terus]. Bilis segar *ni* [ini] *kalu* [kalau] kita buat budu sedap lah bau manis *meme* [memang] sedap lah kita buat dengan *ike* [ikan] bilis segar sebab *abe* [suami] Kak Yah ke laut sendiri *kea* [kan].

**NSA : Apa bahan utama dalam pembuatan budu tempayan?**

**WSY :** Kak Yah guna bilis mentah bilis *hite* [hitam] *ore* [orang] panggil bilis *hite* [hitam] bilis *hok* [yang] besar lah, besar pun *tak* [tidak] *jugok* [juga] besar jari *gini* [macam ini] dan *gare* [garam] besar. Bilis *hok* [yang] *abe* [suami] Kak Yah ke laut hari ini kita ambil *tu* [itu] kita akan naik darat kita *sire* [siram] kita akan campur *gare* [garam] kasar *keno* [kena] gaul sehati *ike* [ikan] *bilis* dan *gare* [garam] kita *pere* [perap] *dale* [dalam] *paye* [tempayan] atau tong besar. *Kalu* [Kalau] banyak Kak Yah buat *dale* [dalam] tong besar *kalu* [kalau] *sikit* [sedikit] Kak Yah buat *dale* [dalam] *paye* [tempayan] kecil-kecil. *Kalu* [Kalau] *hok* [yang] nak jual *tu* [itu] Kak Yah gaul masuk *dale* [dalam] botol *selalu* [terus] jual *selalu* [terus]. *Meme* [memang] permintaan *ore* [orang] dia nak budu *hok* [yang] baru *gitu* [macam itu]. Musim dia *meme* [memang] *laku* [laris] Kak Yah jual budu *ore* [orang] panggil budu berekor. Budu berekor *ni* [ini] budu *hok* [yang] baru diproses *meme* [memang] ramai permintaan sebab tahu Kak Yah buat budu baru. Budu ini banyak peringkat juga. *Supo* [Macam] dengan musim *tu* [itu] *ado* [ada] *hok* [yang] umur seminggu, sebulan, dua bulan, tiga bulan, enam bulan, *kalu* [kalau] 6 [enam] bulan *tu* [itu] *meme* [memang] hancur sepenuhnya lah. *Supo* [Macam] dengan musim *huje* [hujan] *gini* [macam ini] Kak Yah buat stok budu musim bilis *ado* [ado] bulan lima *sapa* [hingga] bulan sepuluh Kak Yah akan *pere* [perap] *pahtu* [dan] musim *huje* [hujan] ini

Kak Yah akan jual *hok* [yang] *pere* [perap] *tu* [itu] *hok* [yang] mana ada lah tunggu bulan lima lagi lah *ado* [ada] budu baru itu. *Kalu* [Kalau] ada *ore* [orang] *nok* [ingin] beli budu *hok* [yang] berekor *ike* [ikan] bilis, *tak dop* [tiada] *dah* [sudah] lah sebab *dio* [ikan] hancur *dah* [sudah] *dale* [dalam] masuk 2 [dua] bulan 3 [tiga] bulan *dia* [ikan] hancur *dah* [sudah].

**NSA : Berapa lama proses pembuatan budu?**

WSY : Budu ini paling *lamo* [lama] enam bulan itu pun hancur *dah* [sudah]. *Kalu* [kalau] setahun *tu* [itu] *ore* [orang] panggil budu usang *hok* [yang] *lamo* [lama] sekali lah. *Hok* [Yang] boleh *make* [makan] 2 [dua] bulan separuh hancur, *kalu* [kalau] 4 [empat] bulan hancur *sikit-sikit* [sedikit-sedikit] 6 [enam] bulan keatas hancur sepenuhnya.

**NSA : Bagaimana cara Kak Yah memastikan mutu dan kualiti budu?**

WSY : Kita *guno* [guna] bilis segar. Kak Yah *guno* [guna] bilis segar lah *kalu* [kalau] untuk budu sedap *tu* [itu] *meme* [memang] *kalu* [kalau] bilis segar dan bilis buruk *tu* [itu] jauh beza. *Kalu* [kalau] bilis segar *tu* [itu] bau manis, *kalu* [kalau] bilis buruk *tu* [itu] dia bau busuk *gitu* [macam itu] tak sedap *mano* [mana] lah.

**NSA : Adakah budu yang Kak Yah hasilkan ini mempunyai variasi atau jenis berbeza?**

WSY : Rasa sama *jah* [sahaja] cuma peringkat umur budu lah. Umur *supo* [macam] Kak Yah *oyak* [bagitahu] *sakni* [tadi] lah seminggu, sebulan, 2 [dua] bulan, 3 [tiga] bulan, 4 [empat] bulan peringkat umur lah peringkat hancur *tu* [itu].

**NSA : Bagaimana Kak Yah mendapat bekalan bahan mentah untuk membuat budu?**

WSY : *Ike* [Ikan] bilis *tu* [itu] *abe* [suami] Kak Yah ke laut sendiri.

**NSA : Bagaimana Kak Yah menentukan harga bagi setiap produk budu yang dihasilkan?**

WSY : Budu Kak Yah jual *samo* [sama] *jah* [sahaja] tapi *atah* [ikut] saiz botol lah. *Biaso* [biasa] *loni* [sekarang] harga *loni* [sekarang] 15 ya [Ringgit Malaysia lima belas] *kalu* [kalau]

botol besar, *atah* [ikut] botol lah botol mineral *kecik* [kecil] *loni* [sekarang] Kak Yah *guno* [guna] botol mineral lah sebab botol kaca *loni* [sekarang] *payoh* [susah] *nok* [nak] dapat *sikit* [sedikit] botol mineral *ni* [ini] *mudoh* [mudah].

**NSA : Apakah perubahan atau inovasi yang telah Kak Yah lakukan dalam pembuatan budu?**

WSY : Kak Yah *tak* [tidak] buat inovasi lain lah. Budu *ni* [ini] Kak Yah buat *original* [asli] budu asli lah *tak* [tidak] campur *gapo-gapo* [apa-apa] budu Kak Yah *ni* [ini]. *Supo* [macam] dengan ada *ore* [orang] *tu* [itu] *dio* [dia] *nok* [nak] beli budu Kak Yah *ni* [ini] *dio* [dia] beli *hok* [yang] *original* [asli] pati bilis *ni* [ini] *dio* [dia] *nok* [nak] *masok* [masak] *semula* [lagi] boleh. Kak Yah *hok* [yang] *original* [asli] betul-betul lah. *Kalu* [kalau] *nok* [nak] kata *ado* [ada] budu manis *tu* [itu] *tak* [tiada] lah. Kak Yah ada budu pati bilis sahaja.

**NSA : Apa yang membuat budu Kak Yah berbeza daripada budu lain di pasaran?**

WSY : Budu lain itu *dio* [dia] proses *dah* [sudah]. Budu Kak Yah *ini* [ini] pati *ike* [ikan] bilis *hok* [yang] *original* [asli] *tak* [tidak] proses *gapo* [apa] lagi *dio* [dia] *ado* [ada] *tule* [tulang] *ado* [ada] isi *dio* [dia] lah *dale* [dalam] *tu* [itu] *ado* [ada] *ike* [ikan] bilis lah. *Kalu* [kalau] sesetengah kedai *tu* [itu] *dio* [dia] *mari* [datang] ambil ibu budu, Kak Yah *ni* [ini] ibu, ibu *ni* [ini] *dio* [dia] *ado* [ada] *tule* [tulang] ibu *ni* [ini] *dio* [dia] *mari* [datang] ambil dengan Kak Yah *dio* [dia] *gi* [pergi] *masok* [masak]. *Dio* [dia] *masok* [masak] *tu* [itu] *dio* [dia] *gi* [pergi] proses lah contoh air *ko* [ke] rebus *ko* [ke] *bubuh* [masuk] pewarna, *bubuh* [masuk] *nise* [gula melaka] *nok* [nak] *bui* [bagi] manis lah sedap lah *hok* [yang] *dio* [dia]. Kak Yah *ni* [ini] *meme* [memang] *original* [asli] *ike* [ikan] bilis sahaja.

**NSA : Mengapakah Kak Yah memilih tempayan sebagai tempat penyimpanan budu?**

WSY : *Paye* [tempayan] *ni* [ini] *nok* [nak] *bui* [bagi] *supo* [macam] *zame* [zaman] *dulu* [dahulu]. *Zame* [zaman] *dulu* [dahulu] *ore* [orang] buat *nga* [dengan] *paye* [tempayan] *raso* [rasa] pun lain lah. *Meme* [memang] *so* [satu] *kalu* [kalau] Kak Yah buat *dale* [dalam] *paye* [tempayan] *dio* [dia] cepat masak cepat hancur *dio* [dia] *mudoh baso* [senang] *ore* [orang] panggil sebab *dale* [dalam] *paye* [tempayan] *ni* [ini] suhu *dio* [dia]



terkumpul *dale* [dalam] *paye ni* [ini] *dio* [dia] panas *tu* [itu] *dio* [dia] cepat hancur bilis. *Supo* [macam] Kak Yah buat *dale* [dalam] tong *dale* [dalam] *paye* [tempayan] *misal* [contoh] *dale* [dalam] tong *maso* [masa] enam bulan, *kalu* [kalau] *dale* [dalam] *paye* [tempayan] Kak Yah *kuca* [kacau] *sokmo* [selalu] tiga bulan *tu* [itu] hancur habis *dah* [sudah] *dio* [dia] cepat *dale* [dalam] *paye* [tempayan] cepat lah *kito* [kita] boleh *guno* [guna] untuk jual.

**NSA : Bagaimana Kak Yah menentukan tahap kepekatan dan rasa budu yang terbaik?**

WSY : Kak Yah tengok kepekatan budu *tu* [itu] *kito* [kita] *beso* [biasa] *dah* [sudah] *kea* [kan] *nok* [nak] tahu cair *ko* [atau] pekat *lajok* [sangat] *takleh* [tidak boleh] *jugak* [juga] *keno* [kena] sedang-sedang lah cair *lajok* [sangat] *takleh* [tidak boleh] *jugak* [juga] dari pengalaman Kak Yah lah.

**NSA : Bagaimana pembungkusan budu tempayan ini direka untuk menarik perhatian pelanggan?**

WSY : Budu *paye* [tempayan] *ni* [ini] *loni* [sekarang] Kak Yah buat *biaso* [biasa] *dale* [dalam] botol jeruk sebab Kak Yah *guno* [guna] botol jeruk *ni* [ini] *dio* [dia] tahan panas. *Kalu* [kalau] *kito* [kita] *guno* [guna] botol biskut *tu* [itu] *kea* [kan] *dio* [dia] mudah reput, *dio* [dia] *tak* [tidak] tahan panas *kalu* [kalau] *kito* [kita] letak tempat panas. *Dio* [dia] akan mudah reput botol. Botol Thailand jeruk *tu* [itu] *dio* [dia] tahan reput lah. *Kalu* [kalau] *kito* [kita] *bubuh* [masuk] *dale* [dalam] botol biskut, *dio* [dia] mudah reput, *tak* [tidak] tahan *lamo* [lama]. *Ni* [ini] *kalu* [kalau] botol jeruk lima enam bulan tahan, *kalu* [kalau] botol biskut masuk 2 [dua] 3 [bulan] bulan *pecoh* [pecah] *dah* [sudah] *tudung* [penutup] *meme* [memang] *tak* [tidak] selamat. Kak Yah *guno* [guna] botol *tu* [itu]. *Tudung* [penutup] *dio* [dia] *so* [satu] mudah *cabut* [tertanggal], mudah *tupoh* [tumpah]. *Kalu* [kalau] balik botol jeruk *ni* [ini] *tak* [tidak] *cabut* [tertanggal] *tudung* [penutup] *dio* [dia].

**NSA : Apakah jenis atau saiz tempayan yang digunakan untuk proses fermentasi?**

WSY : *Loni* (sekarang) *kalu* [kalau] *LKIM* [Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia] bagi tong besar lah untuk *pere* [perap] budu dengan *banyak* [banyak] lah tapi Kak Yah *nok* [nak] buat *original* [asli] tradisional *budu* Kak Yah *pere* [perap] *dale* [dalam] *paye* [tempayan]

*kecik-kecik* [kecil-kecil]. *Dulu* [dahulu] *meme* [memang] Kak Yah *tak* [tidak] *pere* [perap] *dale* [dalam] *paye* [tempayan] *kecik-kecik* [kecil-kecil] *ni* [ini] *pahtu* [selepas itu] ada *budok* [budak] *ore* [orang] *mari* [datang] *nok* [nak] tengok *original* [asli] zaman *dulu* [dahulu] Kak Yah *sipe* [simpan] *dale* [dalam] *paye* [tempayan] *ni* [ini] Kak Yah *pere* [perap] *dale* [tempayan] *kalu* [kalau] *musim dio* [dia] Kak Yah *meme* [memang] *pere* [perap] *dale* [dalam] *paye* [tempayan] lah. *Kalu* [kalau] *ore* [orang] *nok* [nak] *mari* [datang] beli *kea* [kan] Kak Yah tunjuk *dale* [dalam] *paye* [tempayan] dan bekas besar *tu* [itu] *dio* [dia] *nok* [nak] *dale* [dalam] *paye* [tempayan] sedap *dale* [dalam] *paye* [tempayan]. Kak Yah tanya *ore* [orang] tua *dio* [dia] kata sedap *dale* [dalam] *paye* [tempayan].

**NSA : Bagaimana pengendalian suhu atau persekitaran semasa proses fermentasi?**

WSY : Budu *keno* [kena] letak dekat tempat panas *supo* [macam] dengan Kak Yah *pere* [perap] budu *ike* [ikan] bilis *dale* [dalam] *paye* [tempayan] *tu* [itu] *keno* [kena] *letok* [letak] dekat tempat panas lah *nok* [nak] *bui* [bagi] proses cepat hancur. *Kalu* [Kalau] *kito* [kita] *letok* [letak] tempat teduh *gini* [macam ini] *dio* [dia] *berona* [masalah] *sikit* [sedikit] budu *ni* [ini] lambat hancur *hola* [yela] lambat lah *nok* [nak] proses hancur *tu* [itu].

**NSA : Bagaimana memastikan kebersihan bahan dan tempayan sebelum proses pembuatan bermula?**

WSY : Kak Yah basuh lah Kak Yah basuh cuci *tu* [itu] Kak Yah jemur *bui* [bagi] kering *dulu* [dahulu] baru boleh proses budu.

**NSA : Apakah tanda-tanda budu yang telah berjaya difermentasi dengan baik?**

WSY : Budu *kalu* [kalau] *nok* [nak] tengok budu *ore* [orang] panggil naik air, air *pase* [pasang]. *Kalu* [kalau] *ore* [orang] *tuo* [tua] panggil budu air *pase* [pasang] air duduk atas jadi pati duduk bawah air duduk atas *tu* [itu] budu *come* [elok] lah *tu* [itu], air *meroh* [merah] *molek* [elok] *1* [satu] air budu *tu* [itu] dia pekat. *Kalu* [kalau] nak tahu budu lama dan budu usang, *kalu* [kalau] air *mudo* [muda] budu baru, *kalu* [kalau] gelap *gini* [macam ini] budu usang budu lama lah. *Kalu* [kalau] *hok* [yang] air *meroh* [merah] sedap lah.

**NSA : Apakah nisbah ikan bilis dan garam yang ideal dalam pembuatan budu?**

WSY : *Kalu* [kalau] *ike* [ikan] bilis 5 [lima] tong, garam 3 [tiga] beg.

**WSY :** Saat Kak Yah berjaya dalam hidup *ni* [ini], *supo* [macam] *nga* [dengan] *ari* [hari] cuti *gapo* [apa] Kak Yah *raso* [rasa] Kak Yah jual *laku* [laris] *gapo* [apa] lah. *Maso* [masa] *cuti koloh* [sekolah] lah \_ gembira sangat lah *ore* [orang] luar mari *keda* [kedai] Kak Yah *ni* [ini] *supo* [macam] *nga* [dengan] Abe Lar *wak* [buat] tiktok Kak Yah *ni* [ini] jadi *rama* [ramai] *ore* [orang] kenal *gapo* [apa]. Seluruh Kelantan, luar Kelantan *pon* [pun] *mano – mano* [mana-mana] *meme* [memang] kenal *doh* [sudah] Kak Yah *ni* [ini]. Kak Yah *gi* [pergi] *mano-mano* [mana-mana] ke *supo* [macam] *kalu* [kalau] *kito* [kita] *gi* [pergi] misal pasar ‘lah Kak Yah’ *supo* [macam] *nga* [dengan] *ore* [orang] kenal *kito* [kita]. Ingat sekali *nga* [dengan] Kak Yah perasaan *kito* [kita] *banggo* [bangga] lah. *Kito* [kita] jadi *ore* [orang] kenal lah *kito* [kita] *tok* [tidak] kenal *ore* [orang], *ore* [orang] kenal *kito* [kita] *ni* [ini] jadi *supo* [macam] *nga* [dengan] artis lah *kali* [mungkin]. *Kalu* [kalau] *ore* [orang] luar mari ‘Kak Yah mari *nok* [nak] *amik* [ambik] gambar’ mari *ore* [orang] luar. *Kalu* [kalau] bagi *kito* [kita] *ni* [ini] *biaso-biaso* [biasa-biasa] *jah* [sahaja] tapi bagi *awok* [awak] *yo* [dio] *supo* [macam] *kito* [kita] *ni* [ini] *gapo* [apa] *doh* [sudah] popular lah *ni* [ini]. Kak Yah *pon* [pun] *raso* [rasa] *kalu* [kalau] *gi* [pergi] pasar *deh* [kan] ‘Eh, Kak Yah ahh tengok *dale* [dalam] Tiktok *gituh-gituh* [macam tu]’. *Raso* [rasa] *banggo* [bangga] lah. Jadi *kito* [kita] *rama* [ramai] *ore* [orang] kenal *gitu* [begitu]. Alhamdulillah lah.

**ASH : Apakah titik perubahan yang membawa kepada kejayaan perniagaan Kak Yah?**

**WSY :** Dulu *supo* [sama] *nga* [dengan] dulu *dok* [tidak] besar *gini* [macam ni] haa *gitu* [macam tu] *gano* [macam mana] *supo* [sama] *nga* [dengan] *hok* [yang] *UMK* [Universiti Malaysia Kelantan] *wak* [buat] *wi* [bagi] kursus Kak Yah lah. Jadi Kak Yah *pon* [pun]

jadi *ko* [ke] *wak* [buat] *keda* [kedai] ni jadi *packing* [bungkus] *bare* [barang] *gapo* [apa] jadi *ko* [semakin] besar *koho* [semakin] maju *gini* [begini] lah *dio* [dia] ajar. *UMK* [Universiti Malaysia Kelantan] lah *ambik* [ambil] tunjuk ajar Kak Yah *nego-nego* [berniaga] *gini* [macam ini]. *Pah* [Lepas tu] Zoom *ni* [ini] *dio* [dia] ajar *kito* [kita] *guno* [guna] Tiktok *ko* [ke] *gapo* [apa] ke jadi *rama* [ramai] *duk* [yang] masuk *dale* [dalam] Facebook *gapo* [apa] *sokmo-sokmo* [selalu] *tokleh* [tidak boleh] *berenti* [berhenti] *keno* [kena] *loni* [sekarang ini] *gapo* [apa] media sosial. Jadi *kito* [kita] *keno* [kena] masuk *sokmo* [dengan kerap] *nok* [nak] *wi* [bagi] *ore* [orang] tahu produk *kito* [kita] *ado* [ada]. *Supo* [macam] *kito* [kita] jemur ikan hari ini *pon* [pun] *keno* [kena] masuk. *Kalu* [kalau] *misal* [misalnya] *kito* [kita] *duk* [duduk] senyap jadi *supo* [macam] *nga* [dengan] *ore* [orang] *dok* [tidak] tahu. *Supo* [macam] *ni* [ini] Facebook Kak Yah *mapuh* [tidak aktif] ke sebulan *doh* [sudah] *beraso* [berasa]. Jadi Kak Yah *pon* [pun] *beraso* [berasa] *ore* [orang] *rama* [ramai] *tok* [tidak] tahu keadaan Kak Yah duduk *loni* [sekarang] banjir *ko* [ke] *gano* [macam mana]. *Rama* [ramai] *tanyo* [tanya] khabar Kak Yah *loni* [sekarang ini] ‘*Rano* [macam mana] Kak Yah *loni* [sekarang]’. *Pah* [Lepas itu] Kak Yah *tok* [tidak] masuk *dale* [dalam] Facebook banyak minggu *doh* [sudah] *ni* [ini]. Kak Yah *pon* [pun] *duk* [duduk] *tengoh* [tengah] *nok* [nak] *wak* [buat] Facebook Kak Yah *hok* [yang] dulu lah. *Ho* [ya] *caro* [cara] tu sebab *tepon* [telefon] Kak Yah *rosok* [rosak] *loni* [sekarang ini].

**ASH : Bagaimana Kak Yah menghadapi kegagalan dalam perjalanan ini?**

WSY : Kak Yah hadapi kegagalan *ni* [ini] denge [dengan] *gitulah* [macam tulah] *sobar* [sabar] lah. *Ho* [ya] lah tuhan *ado* [ada] *gok* [juga] *kito* [kita] *nego* [berniaga] *ni* [ini] jatuh *gapo* [apa] ujian *gini* [macam ini] lah. Ujian banjir *ko* [ke] *gapo* [apa], *sobar* [sabar] *gitulah* [macam tu lah]. *Pastu* [Selepas itu] *ho* [ya] lah tuhan *nok* [nak] *wi* [bagi] lebih *pade* [daripada] *hok* [yang] *ni* [ini] *pon* [pun] *ado* [ada] lah. *Mitok* [minta] lah *gitu* [macam tu].

**ASH : Apakah maklum balas paling bermakna Kak Yah pernah terima dari pelanggan?**

WSY : Maklum balas tu *supo* [macam] *nga* [dengan] *ado* [ada] pelanggan Kak Yah tu *hok* [yang] pernah beli budu *gapo* [apa] *ko* [atau] *ike* [ikan] bekok *ko* [ke]. *Dio* [dia] *repeat* [ulang] *mari* [datang] *pulok* [pula]. Ha jadi *dio* [dia] *kato* [kata] *sedaklah* [sedaplah] *ho*

[ya] lah. *Rupo* [rupa] budu *hok* [yang] *ore* [orang] *beso* [biasa] *mari* [datang] beli 'budu Kak Yah *sedaklah* [sedaplah], *nok* [nak] *pulok* [pula] lah budu. *Gitu* [macam] *repeat* [ulang] balik lah. *Hok* [yang] *yo* [dia] beli ikan-ikan *ko* [ke] *gapo* [apa].

**ASH : Apakah yang Kak Yah banggakan tentang produk budu Kak Yah?**

WSY : Kak Yah bangga *ni* [ini] sebab budu Kak Yah *takdok* [tiada] *ore* [orang] buat *gi* [lagi] budu *paye gini* [macam ni]. *Supo* [macam] *ngo* [dengan] Kak Yah *wak* [buat] budu *paye* [tempayan] *ni* [ini] budu *original* [asli] *jame* [zaman] *dulu* [dahulu] *hok* [yang] kekalkan budu *hok* [yang] *jame* [zaman] dululah, *hok* [yang] tradisional. Ha *supo* [macam] *loni* [sekarang] *ore* [orang] *wak* [buat] budu cara moden, *kito* [kita] *wak* [buat] *caro* [cara] tradisional *dale* [dalam] *paye* [tempayan]. Kak Yah kekalkan dalam *paye* [tempayan] *hok* [yang] jadi *gi* [macam] *tuh* [itu].

**ASH : Adakah Kak Yah pernah bekerjasama dengan agensi atau pihak kerajaan?**

WSY : *Loni* [sekarang ini] *takdok* [tiada] lagi.

**ASH : Bagaimana Kak Yah memberi inspirasi kepada usahawan muda?**

WSY : Kak Yah *buwi* [bagi] tunjuk ajar lah *supo* [macam] *nga* [dengan] *budok-budok* [budak-budak] *mari* [datang] Kak Yah ajar *yo* [dia]. *Yo* [dia] *tanyo* [tanya] Kak Yah *wak* [buat] *rano* [macam mana] budu *kito* [kita]. *Tok* [tidak] *kupik* [kedekut] ilmu lah ajar *yo* [dia] *caro* [bagaimana] *wak* [buat] budu, *pase* [pasang] budu, peram budu gitulah. Kak Yah bagi ilmu Kak Yah *caro* [cara] *wak* [buat] budu gitulah, proses budu supaya generasi akan datang tahu cara-cara buat budu *tak* [tidak] akan luput ditelan zaman lah.

**TAMAT BAHAGIAN 5**

## BAHAGIAN 6: HARAPAN DAN PERANCANGAN MASA DEPAN

**ASH : Apakah harapan Kak Yah untuk masa depan perniagaan budu ini?**

WSY : Harapan Kak Yah untuk masa *depe* [depan] supaya budu *ni* [ini] tak ke lupuh [luput] lah *supo* [macam] Kak Yah *takdok* [ada] *ko* [ke] *gapo* [apa] Kak Yah *mitok* [minta] *anok - anok* [anak-anak] Kak Yah *ni* [ini] kedudukan sambung ke generasi Kak Yah Budu *Paye* [tempayan] *ni* lah jadi kekal selamanya.

**ASH : Bagaimana Kak Yah melihat perubahan permintaan budu 5 hingga 10 tahun akan datang?**

WSY : Kak Yah *mitok* [minta] *nati* [nanti] seperti generasi *budok – budok* [budak-budak] *mudo* [muda] *loni* [sekarang] *pon* [pun] *panda* [pandai] *make* [makan] budu *paye* [tempayan] lah. *Ho* [ya] lah jadi kenal budu lah. *Supo* [macam] *nga* [dengan] *berehi* [suka] *make* [makan] budu lah. Sebab budu *paye* [tempayan] *ni* [ini] *pon* [pun] *ado* [ada] *ore* [orang] *royak* [cakap] masin ke. Tapi masin *pon* [pun] *yo* [dia] *buleh* [boleh] *wi* [bagi] jadi *kure* [kurang] masin, *kito* [kita] *keno* [kena] *bubuh* [letak] *gulo* [gula] jadi *sedak* [sedap] *gapo* [apa].

**ASH : Bagaimana Kak Yah bercadang untuk menarik lebih ramai pelanggan?**

WSY : *Meme* [memang] Kak Yah akan *post* [muat naik] *banyak-banyak* [banyak-banyak] *dale* [dalam] Facebook, Tiktok *gitulah* [macam itulah]. Kak Yah akan *post-post* [muat naik] *sokmo* [sentiasa] lah, *tak* [tidak] *ke* [akan] *berenti* [berhenti]. Budu *ni* [ini] *ado* [ada] *sokmo* [sentiasa].

**ASH : Adakah Kak Yah bercadang untuk memperluaskan perniagaan ke luar negeri?**

WSY : Setakat *ni* [ini] Kak Yah akan *wi* [bagi] bulan *depe* [depan] tahun baru *tu* [itu], Kak Yah bercadang untuk *bukok* [buka] cawangan di luar sikit tuh [itu] tapi *tok* [tak] jauh daripada *keda* [kedai] Kak Yah *ni* [ini] lah. *Po* [macam] *nga* [dengan] *ni* [ini] Kak Yah *duk* [duduk] *dale* [hujung] sikit, Kak Yah *nok* [nak] *gi* [pergi] *duk* [duduk] *luar* [di luar] lah sikit. *Supo* [macam] *nga* [dengan] *ado-ado* [ada] *ore* [orang] *mari* [datang] *nok* [nak] cari *keda* [kedai] Kak Yah *pon* [pun] *dok* [tidak] *jupo* [jumpa]. Kak Yah *duk* [duduk]

tempat strategik lah sikit tu. Cadangan Kak Yah *gitu* [macam] *lah* [itulah] untuk *mudoh* [memudahkan] *ore* [orang] luar *mari* [datang]. Biar cari *mudoh* [mudah] *jupo* [jumpa].

**ASH : Apakah nasihat Kak Yah kepada generasi muda yang ingin menceburi bidang perniagaan?**

WSY : Nasihat Kak Yah, *ore-ore* [orang-orang] *mudo* [muda] *ni* [ini] *wi* [bagi] minat *gapo* [apa] *budu ni* [ini] *supo* [macam] *kito* [kita] *kijo* [kerja] *budu ni* [ini], *dio* [dia] bau ikan lah *kiro* [macam] *misal* [misalnya] *kito* [kita] *jamah* [menjamah] *nok* [nak] *ngisi* [isi] *budu ni* [ini], baju *kito* [kita] *ni* [ini] *bau* [berbau] *budu*. *Supon* [macam] *ga dok* [tidak] cerewet lah *ore* [orang] *mudo* [muda] *ni* [ini] *nga* [dengan] bau *gapo* [apa]. *Budu ni* [ini] *meme* [memang] *bau* [berbau] lah. *Kalu* [kalau] *kito* [kita] *tok* [tidak] *se* [nak] *wi* [bagi] cerewet lah *budok - budok* [budak-budak] *ni* [ini].

**ASH : Apakah impian terbesar Kak Yah untuk perniagaan budu tempayan?**

WSY : Impian Kak Yah *nok* [nak] *wi* [bagi] *budu Kak Yah ni* [ini] kenal seluruh negeri. *Kelate* [Kelantan] *kito* [kita] *gi* [pergi] *kut* [melalui] luar Johor *mano* [mana] lah. *Rama* [ramai] *ore* [orang] kenal *budu paye* [tempayan] Kak Yah lah. *Po* [Sama macam] *nga* [dengan] *ore* [orang] luar *mari* [datang] *meme* [memang] *ore* [orang] luar *pon* [pun] *tok* [tidak] biasa *make* [makan] *budu paye* [tempayan] jadi *nok* [nak] *make* [makan] *budu paye* [tempayan], ha *gitu* [macam itu].

**ASH : Adakah Kak Yah bercadang untuk mewariskan perniagaan ini kepada anak – anak?**

WSY : Ya, Kak Yah *nok* [nak] suruh *anok – anok* [anak-anak] Kak Yah menguruskan generasi *budu Kak Yah* lah. Okey, Insyallah. Nati [nanti] *anok – anok* [anak-anak] *lepas* [selepas] belajar *gapo* [apa]. *Ni* [ini] pun ajar – ajar *dio* [dia] belajar jual *budu wak* [buat] *budu gitulah* [macam itulah].

**ASH** : **Apakah inovasi atau produk baru yang Kak Yah rancang keluarkan?**  
**WSY** : Buat *maso* [masa] *loni* [sekarang], *takdok* [tiada] lagi lah ngan budu *paye* [tempayan] *tu* [itu] *jah* [sahaja].

**ASH** : **Bagaimana Kak Yah berhasrat mengekalkan budaya tradisional dalam produk ini?**

**WSY** : Kak Yah *guno* [guna] *paye* [tempayan] budu untuk mengekalkan tradisional budu *paye* [tempayan] lah. *Paye* [tempayan] *hok* [yang] *kecik* [kecil] *tu* [itu] untuk mengekalkan kualiti budu lah.

**ASH** : **Apakah langkah Kak Yah untuk terus relevan dalam pasaran?**

**WSY** : Kak Yah *packing* [membungkus] dalam botol *comei-comei* [cantik-cantik] lah sikit ha gitulah. Untuk tarik minat pelanggan. *So* [Jadi], *kalu* [kalau] *misal* [misalnya] *ore* [orang] luar *nok* [nak] cuba kito keno *packing* [bungkus] dalam botol *kecik-kecik* [kecil-kecil] untuk percubaan *tester* [cubaan]. *Supo* [Macam], *yo* [dia] *nok* [nak] beli *banyak* [banyak] *dio* [dia] takut *dio* [dia] *tok* [tidak] *make* [makan]. *Make* [makan] *tok* [tidak] *abih* [habis]. *Dio* [dia] keno [kena] beli *tester* [sampel] *hok* [yang] *kecik-kecik* [kecil-kecil]. *Meme* [memang] *loni* [sekarang] Kak Yah buat budu *dale* [dalam] botol *kecik* [kecil] *meme* [memang] cepat laku lah sebab *rama* [ramai] *ore* [orang] *nok* [nak] *tera* [cuba] *hok* [yang] *kecik – kecil* [kecil-kecil] *dulu* [dahulu]. *Kalu* [kalau] *lamo – lamo* [lama-lama] *dio* [dia] beli *hok* [yang] *kecik* [kecil], *yo* [dia] *raso* [rasa] *sedak* [sedap] *gapo* [apa] *yo* [dia] *mari* [datang] beli *hok* [yang] besar *pulok* [pula].

## TAMAT BAHAGIAN 6

Dengan ini tamatlah sesi temubual mengenai latar belakang dan bagaimana puan Sapiah mengendalikan perniagaan budu tempayan. Kami mengucapkan jutaan terima kasih di atas kesudian dan Kerjasama yang diberikan oleh beliau dalam menyempurnakan wawancara ini. Adalah diharapkan dengan hasil temubual ini dapat menyumbang kepada perkembangan ilmu dalam bidang perniagaan. Sekian terima kasih.

# **RUJUKAN**

## RUJUKAN

- DESTINASI TV. (2023, July 27). *Buat budu tempayan guna ikan bilis segar | Resepi Tok Kelantan* [Video]. YouTube. Retrieved February 3, 2025, from <https://www.youtube.com/watch?v=85BhJN6DAKI>
- Idris, S. R. (2021, December 15). '*Taman*' budu tempayan Wan Sapiah [METROTV]. *Harian Metro*. Retrieved February 3, 2025, from <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/12/788751/taman-budu-tempayan-wan-sapiah-metrotv>
- Kakyah Budu Paye. (n.d.). *Home* [Facebook page]. Facebook. Retrieved February 3, 2025, from [https://www.facebook.com/kakyah.budupaye/?locale=ms\\_MY](https://www.facebook.com/kakyah.budupaye/?locale=ms_MY)
- Lin, S. H. (2020). *Sejauhmanakah sejarah lisan penting dan diperlukan dalam penyelidikan dan penulisan sejarah*. Retrieved February 3, 2025, from [https://www.researchgate.net/publication/342923894\\_Sejauhmanakah\\_Sejarah\\_Lisan\\_penting\\_dan\\_diperlukan\\_dalam\\_penyelidikan\\_dan\\_penulisan\\_sejarah](https://www.researchgate.net/publication/342923894_Sejauhmanakah_Sejarah_Lisan_penting_dan_diperlukan_dalam_penyelidikan_dan_penulisan_sejarah)
- Suresh, S. (2020, December 22). Ekspedisi budu ke Kota London. *Niaga Times*. Retrieved February 3, 2025, from <https://www.niagatimes.com/ekspedisi-budu-ke-kota-london/>



# LAMPIRAN

## LOG WAWANCARA

Norsyaniza Anira Zaidi dan Nurul Ashma Mohd Nafi menemubual Puan Wan Sapiah Wan Yusoff, yang dilahirkan pada 1978 di Kelantan. Temubual dijalankan di kedai beliau Kampung Genting, Tumpat Kelantan mengenai perjalanan hidup beliau sebagai seorang usahawan budu tempayan yang berjaya.

MASA	SUBJEK	NAMA/TEMPAT/RUJUKAN
<b>BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG TOKOH</b>		
0.00	Tokoh bercerita tentang latar belakang, nama, umur, anak, tempat dilahirkan dan dibesarkan, idola	Wan Sapiah Wan Yusoff, orang anak, Thailand, Pengkalan Kubor, Tumpat Kelantan, arwah ibu
0.05.50	Pencapaian pendidikan semasa sekolah	Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)
0.06.51	Tokoh bercerita tentang sejak bila berminat dalam perniagaan	Sejak kecil berniaga dengan arwah ibu
0.07.56	Cabaran terbesar ketika memulakan perniagaan	Cabaran modal
0.09.33	Pekerjaan ibu bapa	Berniaga
0.10.24	Nama suami dan bilangan anak	Encik
0.14.05	Bercerita tentang siapa yang pertama kali mencadangkan untuk membuat budu	Suami tokoh
0.15.28	Bercerita tentang budu kegemaran	Budu cicah ulam dan ikan rebus
0.17.11	Bercerita tentang hobi selain berniaga	Memasak
<b>BAHAGIAN 2: PRODUK BUDU</b>		
0.18.05	Keunikan budu yang dihasilkan oleh tokoh	Original ikan bilis segar
0.19.05	Bahan utama dalam pembuatan budu tempayan	Penggunaan ikan bilis mentah, ikan bili hitam
0.21.08	Bercerita tentang proses pembuatan budu, bagaimana penjagaan budu, jenis dan rasa budu, bahan mentah untuk membuat budu	Enam bulan, menggunakan ikan bilis segar, peringkat umur hancur berbeza tetapi rasa sama, suami pergi ke laut sendiri
0.22.45	Penentuan harga bagi setiap produk budu	Mengikut saiz botol budu, harga biasa RM15
0.23.19	Perubahan atau inovasi yang tokoh lakukan dalam pembuatan budu	Tiada inovasi, original pati bilis

0.24.33	Bercerita pemilihan tempayan sebagai tempat penyimpanan budu	Mengembalikan kenangan zaman dahulu
0.26.00	Bercerita tentang pembungkusan budu tempayan, jenis dan saiz tempayan, pengendalian suhu, kebersihan	Menggunakan botol jeruk, tempayan yang kecil dan besar, letak di bawah matahari untuk hancur dengan cepat, cuci tempayan dan jemur dahulu
0.29.45	Bercerita tentang proses pembuatan, pengacauan budu, proses penjagaan budu,	Lima tong ikan bilis dan tiga beg garam, kacau tiga hari sekali, jangan letakkan di tempat yang teduh
0.32.10	Bercerita tentang resipi yang digunakan, pemilihan ikan, pantang larang dalam pembuatan,	Resepi tradisional dengan menggunakan ikan bilis segar, tida pantang larang,
<b>BAHAGIAN 3: PERNIAGAAN</b>		
0.33.54	Bercerita tentang perjalanan tokoh dalam perniagaan budu	Berniaga kecil-kecilan, sudah 12 tahun berniaga, sentiasa menghadapi cabaran ketika musim hujan
0.35.53	Cara memasarkan produk budu	Secara dalam talian seperti Facebook, Tiktok
0.36.04	Bercerita tentang sambutan masyarakat terhadap budu tokoh	Dahulu tiada sambutan terhadap budu tempayan, sekarang ramai sudah mengenali budu tempayan
0.38.32	Bercerita tentang maklum balas yang paling bermakna dari pelanggan	Sedap dan pelanggan selalu beli budu tempayan
0.39.50	Kerjasama tokoh dengan agensi atau pihak kerajaan	Universiti Malaysia Kelantan (UMK)
0.41.24	Bercerita tentang tokoh atau usahawan yang tokoh sanjungi	Kak Pah Abe Lah, usahawan ikan bekok
0.42.03	Bercerita tentang cabaran yang tokoh hadapi sepanjang pandemik Covid-19	Perniagaan jatuh
0.43.15	Masalah dengan pembekal bahan mentah	Stok ikan bilis berkurangan
0.44.04	Bercerita tentang masalah undang-undang dalam perniagaan	Masalah lesen dan geran
0.45.14	Bercerita tentang rasa putus asa dalam perniagaan dan semangat dalam menjalankan perniagaan	Tidak pernah putus asa, terus merancang strategi penyelesaian
0.48.38	Bercerita tentang perancangan untuk memperluas perniagaan	Harap anak-anak dapat tolong perbesarkan perniagaan

0.49.33	Influencer atau duta jenama untuk mempromosikan budu tempayan	Pempengaruh media sosial seperti Abe La Senok Perut, Richard
<b>BAHAGIAN 4: KEHIDUPAN PERIBADI</b>		
0.50.33	Bercerita tentang masa untuk keluarga dan berniaga	Suami dan anak-anak faham
0.51.48	Bercerita tentang kenangan paling indah bersama keluarga	Anak-anak tolong berniaga ketika musim cuti sekolah
0.53.45	Makanan kegemaran tokoh selain budu	Makanan biasa-biasa sahaja, tidak memilih
0.55.53	Bercerita tentang tekanan yang dialami tokoh dari perniagaan yang semakin besar	Ramai pelanggan dari negeri luar datang ketika musim cuti sekolah sehingga tidak sempat untuk berehat
0.57.39	Cara tokoh mengatasi kekangan dalam kehidupan, bagaimana jaga kesihatan sambil menguruskan perniagaan	Bersabar dalam setiap dugaan, mengambil sarapan pagi
<b>BAHAGIAN 5: KEJAYAAN DAN PENGIKTIRAFAN</b>		
1.0016	Bercerita tentang pencapaian terbesar tokoh dalam perniagaan	Peserta terbesar dalam program UMK
1.00.56	Bercerita tentang perasaan tokoh apabila produk dikenali ramai	Gembira produk laris dijual
1.01.59	Anugerah dan pengiktirafan yang tokoh peroleh dalam perniagaan, saat kejayaan tokoh	Menerima peserta Tiktok dari UMK, menerima anugerah dari Amanah Ikhtiar, merasa berjaya apabila produk laris dijual
1.04.30	Titik perubahan yang membawa tokoh kepada kejayaan perniagaan	Menghadiri kursus yang dianjurkan UMK
1.06.59	Bercerita tentang kebanggaan tokoh tentang produk budu	Bangga kerana salah satu produk budu yang menggunakan tempayan
1.07.45	Inspirasi tokoh kepada usahawan muda	Memberi tunjuk ajar
<b>BAHAGIAN 6: HARAPAN DAN PERANCANGAN MASA DEPAN</b>		
1.08.21	Harapan tokoh untuk masa depan perniagaan budu	Harapan supaya budu tidak luput
1.08.51	Harapan tokoh terhadap budu 5 hingga 10 tahun akan datang	Generasi muda pandai makan budu

1.09.40	Perancangan tokoh untuk menarik lebih ramai pelanggan	Memuat naik tentang produk budu dalam media sosial
1.10.31	Cadangan tokoh untuk memperluas perniagaan ke luar negeri	Membuka cawangan di luar
1.11.17	Nasihat tokoh kepada generasi muda dalam perniagaan	Minat dalam perniagaan budu
1.11.52	Impian terbesar tokoh untuk perniagaan budu tempayan	Supaya produk budu lebih dikenali di seluruh negeri
1.12.19	Bercerita tentang cadangan tokoh untuk mewariskan perniagaan kepada anak-anak	Harapan supaya anak-anak dapat menguruskan generasi budu
1.13.18	Hasrat tokoh untuk mengekalkan budaya tradisional	Menggunakan tempayan
1.13.47	Bercerita tentang langkah tokoh untuk terus relevan dalam pasaran	Bungkus produk dalam botol yang menarik

## DIARI KAJIAN

MASA	TARIKH	PERKARA	TINDAKAN
10.00 pagi	14 Oktober 2024	Perbincangan	Berbincang dengan ahli Kumpulan mengenai projek yang akan dijalankan.
10.00 pagi	17 Oktober 2024	Kajian awal	Mengenal pasti projek penyelidikan dan tokoh yang terbaik untuk dijalankan.
9.30 pagi	20 Oktober 2024	Perbincangan	Berbincang dengan pensyarah mengenai pemilihan tokoh.
3.00 petang	20 Oktober 2024	Panggilan telefon	Membuat panggilan telefon kepada tokoh untuk kali pertama tentang persetujuan tokoh untuk menjalankan kajian dan ditemu bual.
10.00 pagi	9 November 2024	Penyediaan soalan	Menyediakan soalan-soalan yang bersesuaian untuk ditemu bual
10.00 malam	14 November 2024	Penghantaran soalan	Menghantar soalan temubual untuk disemak oleh pensyarah.  Membuat pembetulan.
3.00 petang	9 Disember 2024	Panggilan telefon	Menghubungi tokoh untuk mengingatkan tokoh tentang tarikh dan masa untuk ditemu bual.

6.00 petang	12 Disember 2024	Sesi temu bual berlangsung di kediaman tokoh	Menerangkan kepada tokoh tentang topik yang akan dibincangkan.  Merekod perbualan temubual bersama tokoh.
9.00 pagi	1 Januari 2025	Penyediaan transkrip	Mula menulis transkrip temu bual bersama tokoh.  Mendengar dengan jelas rakaman audio.
11.00 malam	16 Januari 2025	Penghantaran transkrip	Menghantar transkrip lengkap untuk disemak oleh pensyarah.

IMR 604- PENDOKUMENTASIAN LISAN

NORSYANIZA ANIRA BINTI ZAIDI (2022899418)

NURUL ASHMA BINTI MOHD NAFI (2022621954)

DIIM2455B

USAHAWAN BUDU TEMPAYAN

TOKOH: PUAN WAN SAPIAH BINTI WAN YUSOFF

**Latar belakang**

1. Boleh Kak Yah ceritakan sedikit tentang diri Kak Yah?
2. Di manakah tempat asal Kak Yah dilahirkan dan dibesarkan?
3. Siapa yang memberi inspirasi kepada Kak Yah dalam kehidupan?
4. Bagaimana zaman kanak-kanak Kak Yah mempengaruhi perjalanan hidup Kak Yah?
5. Apakah latar belakang pendidikan yang Kak Yah peroleh dari peringkat awal hingga peringkat tertinggi?
6. Sejak bila Kak Yah berminat dalam perniagaan?
7. Siapa individu paling mempengaruhi gaya hidup Kak Yah?
8. Apakah cabaran terbesar Kak Yah ketika permulaan menjalani kehidupan dewasa?
9. Apakah motivasi utama hidup Kak Yah untuk berjaya?
10. Apakah pekerjaan ibu bapa Kak Yah, dan adakah mereka pernah berniaga?
11. Adakah Kak Yah mempunyai adik-beradik yang turut terlibat dalam perniagaan ini?
12. Apakah nama suami Kak Yah? Berapa bilangan anak yang diperolehi?
14. Bagaimana keluarga Kak Yah menyokong perjalanan kerjaya Kak Yah?



15. Apakah nilai hidup utama yang Kak Yah pegang?
16. Siapa yang pertama kali mencadangkan Kak Yah untuk membuat budu?
17. Budu kegemaran Kak Yah dimakan bersama apa?
18. Apa yang membuatkan Kak Yah memilih untuk kekal di pantai?
19. Adakah komuniti setempat menyokong usaha perniagaan Kak Yah dari awal?
20. Adakah Kak Yah mempunyai hobi selain berniaga budu?

### **Produk Budu**

1. Apakah keunikan budu yang Kak Yah hasilkan?
2. Apa bahan utama dalam pembuatan budu tempayan?
3. Berapa lama proses pembuatan budu?
4. Bagaimana cara Kak Yah memastikan mutu dan kualiti budu?
5. Adakah budu yang Kak Yah hasilkan ini mempunyai variasi atau jenis berbeza?
6. Bagaimana Kak Yah mendapat bekalan bahan mentah untuk membuat budu?
7. Bagaimana Kak Yah menentukan harga bagi setiap produk budu yang dihasilkan?
8. Apakah perubahan atau inovasi yang telah Kak Yah lakukan dalam pembuatan budu?
9. Apa yang membuat budu Kak Yah berbeza daripada budu lain di pasaran?
10. Mengapakah Kak Yah memilih tempayan sebagai tempat penyimpanan budu?
11. Bagaimana Kak Yah menentukan tahap kepekatan dan rasa budu yang terbaik?
12. Bagaimana pembungkusan budu tempayan ini direka untuk menarik perhatian pelanggan?
13. Apakah jenis atau saiz tempayan yang digunakan untuk proses fermentasi?

14. Bagaimana pengendalian suhu atau persekitaran semasa proses fermentasi?
15. Bagaimana memastikan kebersihan bahan dan tempayan sebelum proses pembuatan bermula?
16. Apakah tanda-tanda budu yang telah berjaya difermentasi dengan baik?
17. Apakah nisbah ikan bilis dan garam yang ideal dalam pembuatan budu?
18. Adakah proses pengacauan dilakukan, dan jika ya, berapa kerap ia perlu dilakukan?
19. Apakah langkah-langkah untuk mengelakkan pencemaran semasa pembuatan budu?
20. Adakah Kak Yah melakukan sebarang ujian kualiti pada budu sebelum dijual?
21. Adakah Kak Yah menggunakan resipi tradisional atau mencipta resipi sendiri?
22. Bagaimana Kak Yah memilih ikan yang sesuai untuk pembuatan budu?
23. Adakah terdapat pantang larang tertentu semasa membuat budu?
24. Adakah Kak Yah pernah mempertimbangkan untuk menghasilkan budu dalam bentuk pes atau cecair pekat untuk kemudahan pengguna?
25. Adakah Kak Yah mengikuti cara tradisional atau menggabungkan teknologi moden dalam penghasilan budu?

### **Perniagaan**

1. Bagaimana permulaan perjalanan Kak Yah dalam perniagaan budu?
2. Berapa lama Kak Yah sudah menjalankan perniagaan ini?
3. Apakah cabaran terbesar yang Kak Yah hadapi semasa mula-mula berniaga?
4. Bagaimana Kak Yah memasarkan produk budu Kak Yah?
5. Bagaimana sambutan masyarakat terhadap budu buatan Kak Yah pada awalnya?
6. Apakah strategi pemasaran yang paling berkesan setakat ini?

7. Adakah Kak Yah menggunakan media sosial untuk mempromosikan produk?
8. Di mana pelanggan boleh mendapatkan produk budu Kak Yah?
9. Bagaimana Kak Yah menarik minat generasi muda terhadap budu tradisional?
10. Adakah Kak Yah mempunyai kedai fizikal atau hanya menjual secara online [atas talian]?
11. Bagaimana reaksi pelanggan terhadap produk Kak Yah di platform e-dagang?
12. Apakah maklum balas yang paling bermakna dari pelanggan setakat ini?
13. Adakah Kak Yah mempunyai strategi untuk menarik pelanggan dari luar negeri?
14. Bagaimana cara Kak Yah berkomunikasi dengan pelanggan atau penggemar budu?
15. Adakah Kak Yah pernah bekerjasama dengan agensi atau pihak kerajaan?
16. Adakah terdapat tokoh atau ikon usahawan yang Kak Yah sanjung?
17. Apakah cabaran yang Kak Yah hadapi sepanjang pandemik COVID-19?
18. Adakah Kak Yah pernah menghadapi masalah dengan pembekal bahan mentah?
19. Adakah Kak Yah pernah menghadapi masalah undang-undang dalam perniagaan?
20. Pernahkah ada pihak luar cuba meniru budu tempayan Kak Yah?
21. Pernahkah Kak Yah berasa putus asa dalam perniagaan ini? Jika ya, bagaimana Kak Yah mengatasinya?
22. Bagaimana Kak Yah mengekalkan semangat dalam perniagaan budu ini?
23. Adakah Kak Yah mengambil pekerja dalam menjalankan perniagaan ini? Jika Ya, berapakah bilangan pekerja Kak Yah?
24. Adakah Kak Yah bercadang untuk menambah pekerja atau membina kilang kecil untuk pengeluaran lebih besar?
25. Pernahkah Kak Yah menggunakan influencer atau duta jenama untuk mempromosikan budu tempayan?

## **Kehidupan Peribadi**

1. Bagaimana Kak Yah membahagikan masa antara keluarga dan perniagaan?
2. Apakah kenangan paling indah bersama keluarga yang berkaitan dengan budu?
3. Apakah aktiviti lain yang Kak Yah minati selain perniagaan?
4. Adakah Kak Yah terlibat dalam sebarang aktiviti sosial atau kebajikan?
5. Apa makanan kegemaran Kak Yah selain budu?
6. Adakah Kak Yah melatih orang lain untuk belajar membuat budu tempayan?
7. Adakah Kak Yah merasakan tekanan dari perniagaan yang semakin besar?
8. Apakah cara Kak Yah mengatasi tekanan dalam kehidupan?
9. Apa perkara yang paling Kak Yah hargai dalam kehidupan seharian?
10. Bagaimana Kak Yah menjaga kesihatan sambil menguruskan perniagaan?

## **Kejayaan dan Pengiktirafan**

1. Apakah pencapaian terbesar Kak Yah dalam perniagaan ini?
2. Bagaimana perasaan Kak Yah apabila produk Kak Yah dikenali ramai lebih-lebih lagi di media sosial contohnya Tiktok?
3. Pernahkah Kak Yah menerima anugerah atau pengiktirafan dalam bidang perniagaan?
4. Adakah ada saat yang membuatkan Kak Yah merasa berjaya dalam hidup?
5. Apakah titik perubahan yang membawa kepada kejayaan perniagaan Kak Yah?
6. Bagaimana Kak Yah menghadapi kegagalan sepanjang perjalanan ini?
7. Apakah maklum balas paling bermakna yang Kak Yah pernah terima daripada pelanggan?
8. Apakah perkara yang Kak Yah banggakan tentang produk budu Kak Yah?
9. Adakah Kak Yah pernah bekerjasama dengan agensi atau pihak kerajaan?
10. Bagaimana Kak Yah memberi inspirasi kepada usahawan muda?

### **Harapan dan Rancangan Masa Depan**

1. Apakah harapan Kak Yah untuk masa depan perniagaan budu ini?
2. Bagaimana Kak Yah melihat perubahan permintaan budu dalam 5 hingga 10 tahun akan datang?
3. Bagaimana Kak Yah bercadang untuk menarik lebih ramai pelanggan?
4. Adakah Kak Yah bercadang untuk memperluaskan perniagaan ke luar negeri?
5. Apakah nasihat Kak Yah untuk generasi muda yang ingin menceburi bidang perniagaan?
6. Apa impian terbesar Kak Yah untuk perniagaan Budu Tempayan?
7. Adakah Kak Yah bercadang untuk mewariskan perniagaan ini kepada anak-anak?
8. Apakah inovasi atau produk baru yang Kak Yah rancang keluarkan?
9. Bagaimana Kak Yah berhasrat mengekalkan budaya tradisional dalam produk ini?
10. Apakah langkah Kak Yah untuk terus relevan dalam pasaran?

# **PERJANJIAN**

# INDEKS

## INDEKS

- A**  
Amanah Ikhtiar 27, 39  
anak 2, 3, 4, 6, 16, 21, 22, 23, 24, 26, 28, 31, 32, 35, 37, 38, 39, 40, 43, 48  
askar 6  
atas talian 16, 17, 18, 46
- B**  
bangga 28, 30, 39, 47  
banjir 16, 29  
bau 1, 8, 9, 10, 14, 19, 32  
belajar 3, 19, 24, 32, 47  
berjaya 5, 7, 13, 19, 27, 28, 37, 39, 43, 45, 47  
bersih 13, 25, 27, 38, 45  
botol 9, 10, 11, 12, 15, 20, 21, 33, 37, 38, 40  
budu tempayan 2, 9, 12, 20, 21, 24, 32, 33, 35, 37, 38, 39, 40, 43, 44, 46, 47, 48  
bungkus 12, 19, 25, 26, 29, 33, 38, 40, 44
- C**  
cabaran 5, 16, 19, 37, 38, 43, 45, 46  
cawangan 31, 40  
cuti 6, 22, 25, 26, 28, 39
- D**  
ditelan zaman 30, 53
- F**  
Facebook 16, 17, 18, 27, 29, 31, 35, 38
- G**  
garam 9, 14, 15, 20, 38, 45  
generasi 3, 17, 30, 31, 32, 39, 40, 46, 48
- H**  
hancur 9, 10, 11, 12, 13, 37, 38
- I**  
ikan bekok 5, 23, 38  
ikan bilis 14, 17, 35, 37, 38, 45  
inspirasi 3, 30, 39, 43, 47
- J**  
jenama 21, 39, 46
- K**  
kahwin 2, 4  
kedai makan 4, 5, 7, 8, 17, 23  
kesihatan 26, 39, 47  
kualiti 14, 33, 44, 45
- L**  
lahir 2, 37, 43  
laris 5, 7, 9, 19, 28, 39  
lauk 24  
Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia 12
- M**  
minat 5, 8, 17, 23, 24, 32, 33, 37, 40, 43, 46, 47  
muat naik 18, 31, 40  
musim 5, 6, 9, 13, 14, 16, 22, 25, 38, 39  
modal 5, 19, 37



**N**

nelayan 2, 4, 5, 24

negeri 18, 31, 32, 39, 40, 46, 48

**P**

pantai 2, 8, 17, 27, 44

pasar 11, 19, 28, 33, 40, 48

pati bilis 11, 37

pelanggan 12, 16, 17, 18, 21, 22, 23, 27, 29,  
31, 33, 38, 39, 40, 44, 46, 47, 48

pekerja 3, 5, 6, 21, 24, 37, 43, 46

pemborong 16

pendidikan 4, 37, 43

pendokumentasian 43

pengalaman 2, 3, 4, 12, 24, 25

Pengkalan Kubor 2, 37

perap 7, 10, 12, 13, 14, 20, 21

perniagaan budu 16, 20, 31, 32, 33, 38, 39, 40,  
45, 46, 48

persaingan 20

pinjaman 7

prinsip 7

produk budu 9, 10, 16, 17, 30, 37, 38, 39, 40,  
44, 45, 46, 47

promosi 17, 21, 22, 39, 46

**R**

rasa 7, 10, 11, 12, 14, 18, 20, 25, 26, 28, 29,  
33, 37, 38, 39, 44, 46, 47

resepi 15, 35, 38

rumah 2, 3, 4, 22, 24

**S**

sedap 9, 10, 11, 13, 14, 15, 18, 24, 29, 30, 31,  
33, 38

sedia 25

sekolah 4, 6, 17, 22, 25, 28, 37, 39

Sijil Pelajaran Malaysia 4, 6, 37

stok 9, 19, 20, 21, 25, 38

strategi 17, 18, 20, 32, 38, 45, 46

stres 25, 26

suami 2, 3, 4, 5, 6, 7, 9, 10, 26, 37, 39, 43

**T**

tarikan 27

temu bual 2, 21, 28, 33, 37, 41, 42

Thailand 2, 6, 12, 37

tolong 3, 5, 6, 19, 21, 22, 23, 24, 26, 38, 39

tong besar 9, 12

tradisional 12, 15, 17, 30, 33, 38, 40, 45, 46, 48

Tumpat 2, 6, 37

tunjuk ajar 29, 30, 39

**U**

usaha 3, 4, 7, 8, 16

umur 2, 6, 9, 10, 37